



Faizan, Norashikin- Pegawai Kadet Terbaik PALAPES IPTA



PALAPES UPM.

GEORGETOWN, 12 – Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra berkenan menganugerahkan dua pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai Pegawai Kadet Terbaik kepada Pegawai Rendah Kanan kepada Mohd Faizan Zolkifli (kategori Tentera Darat) dan Pegawai Kadet Kanan Norashikin Anjur (kategori Tentera Laut).

Faizan pelajar Bachelo Sains Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Ekologi Manusia dan Norashikin Anjur pelajar Bachelo Pertanian (Akuakultur), Fakulti Pertanian merupakan antara 1,130 pegawai kadet Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pada majlis perasmian Istiadat Pentauliahkan Diraja Pegawai Kadet PALAPES IPTA di Universiti Sains Malaysia (USM) di sini.



Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra berkenan menganugerahkan Mohd Faizan Zolkifli Anugerah Pegawai Kadet Terbaik (kategori Tentera Darat).

Seramai 70 pegawai kadet PALAPES UPM ditauliahkan pada tahun ini bagi kategori Tentera Darat dan kategori Tentera Laut.

Sementara itu, Tuanku Syed Faizuddin bertitah negara memerlukan sumber manusia muda yang berlitizam, pintar, cekal serta berani bagi mengharungi masa depan dan sebagai pelapis pertahanan.



Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra berkenan menganugerahkan Norashikin Anjur Anugerah Pegawai Kadet Kanan Terbaik (kategori Tentera Laut).

"Kita mempunyai tanggungjawab yang besar bagi menjaga keamanan dan keselamatan negara setiap masa, sama ada dari dalam dan luar negara," titah baginda.



Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra bertitah pada majlis perasmian Istiadat Pentauliahan Diraja Pegawai Kadet PALAPES IPTA di USM.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Noor Eszereen Juferi, 03-89466013, Fotografi Ahmad Fua'ad Alwi, 03-89466199).